



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
MODERN EDUCATION  
(IJMEO)  
www.ijmoe.com



**PENGUNAAN APLIKASI ‘VIDEO-CONFERENCE’ DALAM  
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN: PERSEPSI PELAJAR  
DIPLOMA AKAUNTASI (DAT) POLISAS**

*THE PERCEPTION OF THE ACCOUNTING STUDENT IN THE TEACHING AND  
LEARNING USING VIDEO CONFERENCE APPLICATION*

Rina Fakhizan Mohd Sukri<sup>1\*</sup>, Wahidah Mat Said<sup>2</sup>, Kamal Hisam Abdul Halim<sup>3</sup>

- <sup>1</sup> Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Malaysia  
Email: rinaf@polisas.edu.my
- <sup>2</sup> Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Malaysia  
Email: wahidah@polisas.edu.my
- <sup>3</sup> Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Malaysia  
Email: hisam@polisas.edu.my
- \* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 08.10.2020  
Revised date: 19.10.2020  
Accepted date: 18.11.2020  
Published date: 08.12.2020

**To cite this document:**

Sukri, R. F. M., Said, W. M., & Halim, K. H. A. (2020). Penggunaan Aplikasi ‘Video-Conferencing’ dalam Pengajaran dan Pembelajaran: Persepsi Pelajar Diploma Akauntasi (DAT) Polisas. *International Journal of Modern Education*, 2(7), 90-101.

DOI: 10.35631/IJMEO.27007

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



**Abstrak:**

Pembelajaran mudah alih atau e-pembelajaran atau m-pembelajaran semakin popular di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan bukanlah satu fenomena baru. Namun semenjak Malaysia diserang Pandemik COVID-19, pembelajaran secara mudah alih ini seakan menjadi satu kewajipan pada semua IPT. Objektif kajian ini adalah untuk melihat sejauhmana aplikasi ‘Video-Conferencing’ memberi kesan kepada PdP. Pengumpulan data dijalankan melalui kaedah tinjauan menggunakan borang soal selidik ke atas 48 orang responden yang terdiri daripada pelajar semester 5 Diploma Akauntasi (DAT) Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan. Kajian ini dianalisis dengan menggunakan Sistem Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 17.0. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan responden menggunakan ‘Video-Conferencing’ dalam pembelajaran. Keputusan menunjukkan responden tiada masalah dalam penggunaan ‘Video-Conferencing’ dalam pembelajaran. Walau bagaimana pun responden tidak bersetuju bahawa pembelajaran melalui ‘Video-Conferencing’ mencapai objektif dan hasil pembelajaran kursus.

**Kata Kunci:**

Aplikasi, Video-Conferencing, Pengajaran dan Pembelajaran

**Abstract:**

Mobile learning or e-learning or m-learning is becoming increasingly popular in IPT and is not a new phenomenon. However, since Malaysia was hit by the COVID-19 Pandemic, mobile learning seems to be an obligation in all IPT. The objective of this study is to see the extent to which the ‘Video-Conferencing’ application affects teaching and learning. Data collection was conducted through a survey method using a questionnaire to 48 respondents consisting of semester 5 students of Diploma in Accounting (DAT) Sultan Haji Ahmad Shah Polytechnic, Kuantan. This study was analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 17.0. Findings showed that most respondents use ‘Video-Conferencing’ in learning. However, the respondents did not agree that learning through ‘Video-Conferencing’ achieves the objectives and learning outcomes of the course.

**Keywords:**

Applications, Video-Conferencing, Learning and Teaching

**Pengenalan**

Pada Mac 2020 negara Malaysia dikejutkan dengan kes positif ‘*Coronavirus*’ atau COVID-19 yang semakin hari semakin meningkat sehingga pada 16 Mac 2020 kes kumulatif meningkat kepada 553 kes, ekoran itu Perdana Menteri Malaysia Tan Sri Muhyiddin Yasin telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selama 14 hari bermula 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 yang mana ini merupakan fasa pertama (Berita Harian 16 Mac 2020). PKP ini memakan masa hampir 3 bulan sehingga memberi impak yang besar kepada semua sector termasuk sektor pendidikan. Apabila Perdana Menteri mengumumkan semua sekolah dan IPT perlu ditutup semasa pandemik COVID-19 dan pasca COVID-19 yang masih belum ada ubatnya, masyarakat sudah semestinya perlu bersedia dengan amalan pendidikan berbeza berbanding sebelum ini. Sudah pastinya pihak berwajib memikirkan pendekatan lain bagi memastikan sesi pembelajaran dapat dilaksanakan dalam tempoh PKP ini. Pendidikan tinggi adalah antara sektor yang menerima kesan signifikan daripada pandemik COVID-19. Empat aspek utama, iaitu governan dan sistem pengurusan IPT, pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi serta pengantarabangsaan dan perancangan strategik sedang mengalami proses pembetulan seiring dengan impak COVID-19.

Oleh itu, satu perkara yang pasti adalah dalam amalan penjarakan fizikal, interaksi sesama manusia perlu dieratkan lagi melalui alat telekomunikasi. Secara idealnya, pembelajaran maya perlu diteruskan menggunakan pelbagai pendekatan, sama ada pembelajaran dalam talian secara bersemuka (*synchronous learning*) ataupun secara tidak bersemuka (*asynchronous learning*). *Learning tools* yang digunakan boleh disesuaikan mengikut keperluan pembelajaran; bagi mereka yang mempunyai akses internet boleh mengikuti kelas menggunakan *Microsoft Teams*, *Facebook live* atau *Google Classroom*. Interaksi juga boleh dilaksanakan melalui pelbagai aplikasi chat, yang membolehkan pelajar dan pengajar berbincang mengenai pembelajaran pada bila-bila masa. Amalan ini telah dibuktikan oleh institusi yang mengamalkan pembelajaran dalam talian sepenuhnya.

Walaupun terdapat banyak persoalan dari pelbagai pihak sama ada pengajaran dan pembelajaran secara maya khususnya tentang keberkesanan pelaksanaan PdP maya kerana

faktor jurang digital. Namun, Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain (2020) mengatakan bahawa kita percaya hal ini boleh kita tangani dengan baik melalui pelbagai pilihan pendekatan. Apa yang lebih penting, capaian internet perlu ditambah baik secara berterusan kerana kita tidak mahu melihat ada pihak yang gagal mendapat hak pendidikan hanya kerana masalah akses. Dan juga pendidikan tinggi di Malaysia pasca COVID-19 semakin intim dengan teknologi dan pada masa yang sama, universiti semakin mengenal erti kemanusiaan. Keseimbangan teknologi dan kemanusiaan sangat penting ketika ini. sepanjang situasi COVID-19 ini, universiti kita telah cakna dan banyak belajar. Belajar untuk berubah dan mengenal hakikat penubuhan untuk terus berkesinambungan. Perubahan dalam kesinambungan ini akan membentuk bagaimana rupa baharu pendidikan tinggi negara.

### **Pernyataan Masalah**

Di Malaysia, kajian menunjukkan bahawa e-pembelajaran (*e-Learning*) telah meningkatkan keberkesanan dalam pendidikan atau latihan di IPT khususnya institusi yang mengamalkan pendidikan terbuka dan jarak jauh atau yang mengamalkan mod pembelajaran teradun. Ramai pelajar yang berminat mengikuti kursus dalam talian serta mempunyai pandangan positif terhadap kursus dalam talian ini (Yusup, et.al, 2008). Pembelajaran secara dalam talian secara bersemuka (*synchronous learning*) ataupun secara tidak bersemuka (*asynchronous learning*) menjadi keutamaan dalam sistem pendidikan negara Malaysia khususnya semasa pandemik ini.

Sejajar dengan pengembangan ini, penggunaan e-pembelajaran dalam proses PdP di institusi-institusi pendidikan membawa kepada peredaran teknologi pendidikan yang baharu iaitu m-pembelajaran. M-pembelajaran terhasil dari kaedah pembelajaran jarak jauh (d-Learning) dan pembelajaran secara elektronik (*e-Learning*) yang bertujuan untuk menjadikan proses pembelajaran lebih fleksibel dan mudah alih (Arif Nawawi & Mohd Isa Hamzah, 2013).

Dalam kepelbagaian penggunaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar IPT terdapat sebahagian yang melihat akan kekuatan dan kelemahan terhadap penggunaan e-pembelajaran. Oleh itu, penyelidik ingin mengetahui apakah persepsi pelajar IPT terhadap penggunaan aplikasi '*Video-Conferencing*' dalam PdP.

### **Objektif Kajian**

Antara objektif kajian ini adalah:

1. Mengetahui persepsi pelajar tentang penggunaan aplikasi '*Video-Conferencing*' dalam PdP.
2. Mengetahui kekuatan dan kelemahan aplikasi '*Video-Conferencing*' dalam PdP.
3. Menganalisa impak PdP melalui '*Video-Conferencing*'.

### **Persoalan Kajian**

Kajian ini mempunyai beberapa soalan iaitu:

1. Sejauhmanakah persepsi pelajar tentang penggunaan aplikasi '*Video-Conferencing*' dalam PdP?
2. Apakah kekuatan dan kelemahan aplikasi '*Video-Conferencing*' dalam PdP?
3. Adakah penggunaan aplikasi '*Video-Conferencing*' membantu pelajar menguasai dan memahami hasil pembelajaran?

### **Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui persepsi pelajar dalam penggunaan aplikasi 'Video-Conferencing' dalam PdP sama ada pelajar menghadapi cabaran dalam menggunakan aplikasi tersebut. Dalam kajian ini, dapat diketahui impak penggunaan aplikasi 'Video-Conferencing' kepada pelajar.

Hasil kajian ini juga diharap dapat dijadikan bahan rujukan oleh pihak-pihak tertentu agar aplikasi ini ditambahbaik dan dijadikan sebagai medan utama dalam pembelajaran jarak jauh atau pembelajaran pada masa akan datang.

### **Batasan Kajian**

Kajian ini dijalankan ke atas pelajar Diploma Akauntasi (DAT) semester 5 sesi Disember 2019 Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang. Pelajar Diploma Akauntasi dipilih sebagai responden kerana jurusan tersebut banyak melibatkan sistem pengiraan. Oleh itu, penyelidik ingin mengetahui sama ada PdP melalui 'Video-Conferencing' adalah bersesuaian ataupun tidak bagi pelajar tersebut.

### **Kajian Keperpustakaan**

Pengajaran dan pembelajaran melalui e-pembelajaran (*e-Learning*) sudah lama di pratikan di Malaysia khususnya universiti yang mengamalkan pendidikan terbuka dan jarak jauh atau yang mengamalkan mod pembelajaran teradun. Namun, tahun 2020 PdP secara atas talian merupakan satu keperluan dan keutamaan ekoran panmedik COVID-19.

Kajian oleh Kee-Man Chuah (2013) bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar tentang penggunaan media sosial dalam pembelajaran Bahasa Inggeris dan kekuatan kelemahan penggunaan media sosial dalam pembelajaran Bahasa Inggeris. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 100 orang pelajar prasiswazah yang mengikuti kursus pengukuhan Bahasa Inggeris. Hasil daripada analisa mendapati, media sosial dapat meningkatkan minat pelajar untuk mempelajari Bahasa Inggeris. Aplikasi-aplikasi media sosial memberikan konteks dan kemudahan yang baik untuk pembelajaran bahasa.

Terdapat banyak kajian telah dijalankan dalam penggunaan e-pembelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Dr Yusup Hashim (2012) menjelaskan bahawa pendekatan dan rekabentuk pembelajaran dijangka mengalami perubahan pada abad ke-21. Ramai pelajar yang belajar melalui perbincangan dalam talian, mendengar podcast, menonton youtube, menghadiri kuliah atau webinar dalam talian, refleksi dan kolaborasi dalam talian. Perkembangan ini disokong oleh perkembangan dalam peralatan teknologi yang canggih dan efektif seperti computer tablet dan *cellphone* yang lebih mudah alih. Beliau juga berpendapat bahawa kemahiran dalam pedagogi pembelajaran dalam talian harus ada pada setiap orang guru. Mahizer Hamzah (2006) berpendapat bahawa m-pembelajaran memainkan peranan penting di dalam pembelajaran kerana kebebasan pelajar belajar dan memperolehi maklumat menjadikan m-pembelajaran sangat digemari. M-pembelajaran bukanlah sesuatu yang suk dilaksanakan di Malaysia apabila adanya kecanggihan teknologi. Mohd Anuar Abdul Rahman et. al (2010) menjelaskan bahawa pelajar kurang berminat belajar melalui e-pembelajaran, walau bagaimanapun kemahiran pelajar mengakses e-pembelajaran sangat tinggi. Ini bermakna pelajar mempunyai kemahiran yang tinggi dalam melayari sistem ini. Pencapaian akademik pelajar akan meningkat sekiranya e-pembelajaran digunakan secara maksimum. Manakala Syed Lamsah Syed Chear (2017)

membuat kajian berkaitan pengajaran dan pembelajaran melalui aplikasi Whatsapp dan Telegram di Universiti Swasta. Kajian ini bertujuan untuk penerimaan pelajar dalam menggunakan kedua-dua aplikasi tersebut dalam pembelajaran dan juga kesediaan institusi dalam menyediakan sumber-sumber bagi menjayakan m-pembelajaran. Hasil kajian mendapati bahawa pengajaran melalui aplikasi Whatsapp dan Telegram berpotensi untuk meningkatkan kemampuan pelajar dalam menguasai hasil pembelajaran. Dalam kajian Tze (2014) menunjukkan bahawa m-pembelajaran mampu meningkatkan keyakinan pelajar untuk menguasai objektif pembelajaran.

Bukan hanya pelajar perlu bersedia dalam menghadapi penggunaan aplikasi teknologi Web 2.0 malahan tenaga pengajar juga perlu bersedia menghadapi teknologi ini bagi menjamin kualiti hasil pembelajaran. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Anshu & Ashish (2017), staf akademik disaran memainkan peranan membimbing pelajar terlebih dahulu menguasai teknologi bagi membangunkan pedagogi pengajaran yang sesuai. Bouhnik & Deshen (2014) menjelaskan bahawa pendidik perlu sensitive dan bersifat membimbing apabila menggunakan Whatsapp dan Telegram kerana sesi interaktif yang tidak terkawal boleh menjejaskan emosi pelajar dan prestasi akademik.

### **Metodologi Kajian**

Metodologi kajian merupakan satu kaedah yang digunakan dalam setiap penyelidikan atau kajian untuk mengumpul atau menganalisis data (Ahmad Sunawari Long, 2008). Ia juga sangat penting dalam sesebuah penyelidikan atau kajian kerana sebagai langkah atau prosedur untuk mencapai objektif yang dicadangkan (Ahmad Mahdzan Ayob, 1993). Aspek-aspek yang akan diuraikan dalam metodologikajian ialah rekabentuk kajian, persampelan, instrument kajian dan juga kaedah analisis data.

### **Reka Bentuk Kajian**

Menurut Kalinger (1973), reka bentuk kajian ialah sebagai panduan dalam sesuatu kajian untuk memberi jawapan yang jelas terhadap persoalan kajian berdasarkan kepada persoalan kajian. Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk deskriptif. Statistic deskriptif menunjukkan fenomena atau perkara-perkara yang berlaku dan hubungannya dengan pembolehubah serta tafsiran perkataan yang wujud. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk kajian deskriptif dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Instrument soal selidik diedarkan kepada semua pelajar Diploma Akauntasi semester 5 POLISAS. Kajian secara deskriptif adalah kajian terhadap perkara yang sedang berlaku. Kaedah ini melibatkan pengumpulan data, membuat interpretasi (tasksiran), perbandingan dan keperluan secara umum (Van Dale 1993).

### **Sampel Kajian**

Sampel adalah satu populasi berkadar kecil untuk pemerhatian dan analisis terpilih. Bertentangan dengan sesetengah pendapat umum, sampel tidak dipilih sembarangan. Ia dipilih dalam satu cara yang sistematik secara rambang supaya peluang atau operasi kebarangkalian boleh digunakan (Best dan Kahn, 1993). Seramai 60 orang sampel dipilih dari pelajar Diploma Akauntasi semester 5 POLISAS berdasarkan saiz sampel, merujuk jadual penentuan saiz sampel yang telah disediakan seperti jadual Krejcie & Morgan (1970) dan jadual Cohen et al. (2001). Pelajar akauntasi dipilih sebagai responden kerana jurusan tersebut banyak melibatkan sistem pengiraan. Oleh itu, penyelidik merasa bertanggungjawab untuk membuat kajian terhadap responden untuk mendapatkan maklum balas tentang penggunaan 'video-conferencing' dalam PdP.

### ***Instrumen Kajian***

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk borang soal selidik yang akan diedarkan kepada responden untuk mendapat maklumbalas yang merangkumi beberapa item. Menurut Majid Konting (2005) soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan dalam penyelidikan pendidikan. Soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat yang tepat berkenaan fakta-fakta seperti kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya.

Kajian ini dijalankan berdasarkan kaedah kuantitatif. Terdapat satu instrumen atau alat kajian yang digunakan untuk mendapatkan data iaitu soal selidik, Instrumen soal selidik dipilih adalah untuk mendapatkan data dalam kajian ini.

### ***Soal Selidik***

Soal selidik ini dijalankan ke atas responden kajian bagi mendapatkan data dan pandangan pelajar tentang penggunaan aplikasi 'video-conferencing' dalam pengajaran dan pembelajaran: persepsi pelajar diploma akauntasi (DAT) polis. Menurut Mohd Majid Konting (1990), instrumen soal selidik dianggap sesuai dalam bidang pendidikan bagi tujuan pengumpulan data. Satu set soal selidik yang terdiri daripada 12 item telah dikemukakan kepada responden untuk dilengkapkan. Item yang digunakan dalam soal selidik dibahagikan kepada empat bahagian iaitu demografi, persepsi pelajar tentang penggunaan aplikasi "video-conferencing" dalam pdp, fasiliti ICT dan capaian internet dan impak PdP melalui "video-conferencing". Soal selidik ini dibina bagi meninjau tahap keberkesanan pembelajaran melalui alam maya. Set soalan dalam soal selidik ini digubal dengan menggunakan 'Skala Likert' sebagai pilihan jawapan responden. Untuk skala likert, para responden hanya perlu menyatakan darjat persetujuan mereka dengan menandakan nombor pilihan mereka berdasarkan arahan dan keterangan skala yang dinyatakan pada awal set soal selidik. Penggunaan skala likert ini memudahkan responden memberikan respon mereka. Soal selidik juga memudahkan pengkaji mengkodkan data dan seterusnya menganalisis data tersebut.

### ***Analisis Kajian***

Data sola selidik untuk kajian di analisis dengan menggunakan program *Statistic Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 17.0. Proses penganalisan melibatkan kaedah statistik deskriptif yang menggunakan peratus dan frekuensi. Penggunaan kaedah ini adalah menjawab kepada soalan kajian.

### ***Analisis Dan Keputusan***

Dapatan kajian ini akan dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian A ialah berkaitan demografi responden, bahagian B ialah persepsi pelajar tentang penggunaan aplikasi 'Video-Conferencing' dalam PdP, bahagian C pula ialah fasiliti ICT dan capaian internet, manakala bahagian D ialah impak PdP melalui 'Video-Conferencing'.

**Jadual 1: Demografi Responden**

<b>Kategori</b>	<b>Bil</b>	<b>Peratusan</b>
<b>Jantina</b>		
Lelaki	4	8.3
Perempuan	35	72.9
<b>Jumlah</b>	<b>48</b>	<b>100.0</b>
<b>Bangsa</b>		
Melayu	33	68.8
Cina	1	2.1
India	4	8.3
<b>Jumlah</b>	<b>48</b>	<b>100.0</b>
<b>Tempat Tinggal</b>		
Bandar	18	37.5
Luar Bandar	17	35.4
Lain-lain	3	6.3
<b>Jumlah</b>	<b>48</b>	<b>100.0</b>

Jadual 1 memaparkan demografi peserta kajian yang melibatkan seramai 48 responden terdiri daripada pelajar semester 5 Diploma Akauntasi Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan. Berdasarkan jadual di atas, satu rumusan dapat bahawa seramai 4 orang (8.3%) pelajar lelaki dan 35 orang (72.9%) pelajar perempuan yang menjadi responden dan 9 orang pelajar yang tidak menjawab soal selidik. Manakala responden terdiri daripada bangsa Melayu, Cina dan India. Melayu seramai 33 orang (68.8%), Cina seramai 1 orang (2.1%) dan India seramai 4 orang (8.3%).. Bagi tempat tinggal responden terdiri daripada pelbagai iaitu yang berasal dari bandar seramai 18 orang (37.5%), luar bandar 17 orang (35.4%) dan lain-lain 3 orang (6.3%).

**Jadual 2: Persepsi Pelajar tentang Penggunaan Aplikasi *Video-Conferencing* dalam PdP**

Pernyataan	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju
Saya sedia pembelajaran melalui <i>Video-Conferencing</i>	4(8.3%)	8(16.7%)	25(52.1%)	1(2.1%)
Saya aktif menggunakan <i>Video-Conferencing</i>	5(10.4%)	13(27.10%)	19(39.6%)	1(2.10%)
<i>Video-Conferencing</i> membantu mengikuti kursus dengan lebih baik	3(6.30%)	18(37.5%)	17(34.4%)	-
Saya mempunyai persepsi positif terhadap pembelajaran melalui <i>Video-conferencing</i>	4(8.3%)	13(27.10%)	19(39.6%)	2(4.2%)

Jadual 2 membincangkan analisis data terhadap persepsi pelajar tentang penggunaan aplikasi *Video-Conferencing* dalam PdP. Pada keseluruhannya, didapati tahap persetujuan responden terhadap setiap item dalam konstruk ini adalah tinggi dan sangat memuaskan. Hasil perincian analisis data mendapati responden bersetuju pada tahap yang tinggi dan interpretasi yang sangat memuaskan terhadap pernyataan yang pertama, iaitu “saya sedia pembelajaran melalui *Video-Conferencing*”. Hal ini dapat dilihat melalui peratusan setuju sebanyak 52.1%. Namun begitu terdapat juga responden yang tidak setuju iaitu sebanyak 16.7%, diikuti sangat tidak setuju sebanyak 8.3% dan hanya seorang responden yang menjawab sangat setuju dengan 2.1%. Bagi pernyataan yang kedua “saya aktif menggunakan *Video-Conferencing*” seramai 19 orang responden menjawab setuju dengan 39.6% dan sebanyak 27.10% responden tidak setuju dengan pernyataan tersebut, diikuti sangat tidak setuju sebanyak 10.4%. Hanya seorang responden sangat setuju dengan 2.1%. Seterusnya bagi pernyataan “*Video-Conferencing* membantu mengikuti kursus dengan lebih baik” responden bersetuju dengan pernyataan tersebut dengan peratusan sebanyak 34.4%, diikuti tidak setuju sebanyak 37.5% dan 6.3% sangat tidak setuju serta tiada responden yang sangat bersetuju. Bagi pernyataan “saya mempunyai persepsi positif terhadap pembelajaran melalui *Video-Conferencing*” responden bersetuju dengan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 39.6%, diikuti oleh tidak setuju 27.1%, sangat tidak setuju 8.3% dan 4.2% bagi yang sangat bersetuju.

Rumusan yang dapat dibuat tentang persepsi pelajar tentang penggunaan aplikasi *Video-Conferencing* dalam PdP menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi dan interpretasi yang sangat memuaskan dalam kalangan responden.



**Jadual 3: Fasiliti ICT dan Capaian Internet**

<b>Pernyataan</b>	<b>Sangat tidak setuju</b>	<b>Tidak setuju</b>	<b>Setuju</b>	<b>Sangat setuju</b>
Kemudahan ICT adalah baik	2(4.2%)	7(14.6%)	28(58.3%)	1(2.1%)
Saya tidak menghadapi masalah talian (kredit yang mencukupi)	2(4.2%)	10(20.8%)	23(47.9%)	3(6.3%)
Capaian (data) internet di tempat saya adalah jelas	4(8.3%)	10(20.8%)	16(33.3%)	5(10.4%)
Talian (3G, 4G, 5G) internet ditempat saya adalah jelas	4(8.3%)	11(22.9%)	18(37.5%)	5(10.4%)

Jadual 3 membincangkan analisis tentang fasiliti ICT dan capaian internet di tempat responden. Pada keseluruhannya, didapati tahap persetujuan responden terhadap setiap item dalam konstruk ini adalah tinggi dan interpretasi yang sangat memuaskan. Hasil dapatan kajian menunjukkan responden bersetuju pada tahap yang tinggi dan interpretasi yang sangat memuaskan terhadap pernyataan yang pertama “kemudahan ICT adalah baik” dengan peratusan bersetuju sebanyak 58.3%. Namun, ada juga responden tidak bersetuju iaitu sebanyak 14.6%, diikuti sangat tidak bersetuju sebanyak 4.2% dan hanya seorang yang sangat bersetuju iaitu dengan 2.1%. Bagi pernyataan seterusnya “saya tidak menghadapi masalah talian (3G, 4G, 5G)” responden juga bersetuju dengan 47.9%. Manakala responden yang tidak setuju sebanyak 20.8%, diikuti oleh sangat setuju 6.3% dan 4.2% bagi responden yang sangat tidak bersetuju. responden bersetuju dengan pernyataan yang ketiga iaitu “capaian internet (data) di tempat saya adalah jelas” dengan peratusan sebanyak 33.3%. Terdapat juga responden yang tidak setuju sebanyak 20.8%, diikuti oleh sangat setuju 10.4% dan sangat tidak setuju 8.3%. Pernyataan “talian internet ditempat saya adalah jelas” menunjukkan responden bersetuju sebanyak 37.5%, diikuti oleh 22.9% tidak setuju, sangat setuju 10.4% dan 8.3% sangat tidak setuju.

Berdasarkan data yang di analisis menunjukkan responden bersetuju bahawa capaian internet ditempat mereka adalah baik.

**Jadual 4: Impak PdP Melalui Video-Conferencing**

Pernyataan	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju
Meningkatkan motivasi untuk mengikuti sesuatu kursus	-	14(29.2%)	24(50%)	-
Kefahaman terhadap objektif dan hasil pembelajaran kursus	1(2.1%)	15(31.2%)	21(43.8%)	1(2.1%)
Pembelajaran melalui Video-Conferencing membantu saya lebih mencapai objektif dan hasil pembelajaran kursus	1(2.1%)	21(43.8%)	16(33.3%)	-
Pembelajaran melalui Video-Conferencing lebih mudah diikuti berbanding kuliah konvensional	3(6.3%)	19(39.6%)	16(33.3%)	-

Jadual 3 membincangkan analisis tentang impak PdP melalui *Video-Conferencing*. Pada keseluruhannya, didapati responden kurang bersetuju dengan PdP melalui *Video-Conferencing*. Hasil dapatan kajian menunjukkan responden bersetuju pada tahap yang tinggi dan interpretasi yang sangat memuaskan terhadap pernyataan yang pertama “meningkatkan motivasi untuk mengikuti sesuatu kursus” dengan peratusan bersetuju sebanyak 50% dan ramai juga responden yang tidak bersetuju dengan peratusan sebanyak 29.2%. Bagi pernyataan seterusnya “kefahaman terhadap objektif dan hasil pembelajaran kursus” responden yang bersetuju dengan 43.8%, diikuti oleh tidak setuju 31.2%, bagi sangat setuju dan sangat tidak setuju masing-masing mewakili sebanyak 2.1%. Bagi pernyataan “pembelajaran melalui *Video-Conferencing* membantu saya lebih mencapai objektif dan hasil pembelajaran kursus” responden tidak bersetuju dengan peratusan sebanyak 43.8%, diikuti setuju sebanyak 33.3% dan sangat tidak setuju sebanyak 2.1%. Responden juga tidak bersetuju dengan pernyataan “pembelajaran melalui *Video-Conferencing* lebih mudah diikuti berbanding kuliah konvensional” dengan peratusan sebanyak 39.6%, diikuti bersetuju 33.3%, dan sangat tidak setuju 6.3%.

Berdasarkan analisis di atas responden tidak bersetuju bahawa pembelajaran melalui *Video-Conferencing* boleh memberi kefahaman berbanding kuliah secara bersemuka. Walaupun peratusan antara tidak setuju dengan setuju tidak menunjukkan peratusan yang ketara namun boleh menjejaskan pembelajaran responden.

## Kesimpulan

Hasil kajian mendapati bahawa pengajaran dan pembelajaran (PdP) melalui “*Video-Conferencing*” merupakan satu keperluan pada masa pandemik dan mungkin akan diteruskan pada masa akan datang dengan penambahbaikan dari segi kemudahan Teknologi Maklumat. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa persepsi pelajar DAT semester 5 POLISAS terhadap penggunaan “*Video-Conferencing*” dalam PdP sangat positif penerimaannya. Kebanyakan responden sudah bersedia untuk menggunakan “*Video-Conferencing*” dalam PdP pada masa akan datang. Walaupun terdapat sesetengah responden yang fasiliti ICT tidak begitu memuaskan namun tidak memberi halangan untuk mereka meneruskan pembelajaran. Kajian ini juga telah melihat impak PdP melalui “*Video-Conferencing*” bahawa objektif pembelajaran kurang memuaskan berbanding kuliah secara bersemuka. Walau bagaimanapun, pelajar sentiasa berusaha untuk mencapai objektif pembelajaran demi pencapaian akademik dalam situasi pandemik sekarang. Walaupun PdP dijalankan secara maya namun tenaga pengajar juga memainkan peranan penting dalam usaha mencapai objektif pembelajaran. Pengkaji percaya bahawa tenaga pengajar sentiasa berusaha untuk memberi pengajaran yang terbaik kepada pelajar demi untuk mencapai objektif kursus.

Persediaan PdP melalui alam maya khususnya secara “*video-conferencing*” amat dititikberatkan supaya kedua-dua pihak iaitu pengajar dan pelajar tidak menghadapi masalah dalam mencapai objektif kursus. Sebelum memulakan PdP pengajar perlu bersedia dan mahir dalam penggunaan media sosial supaya PdP berjalan dengan lancar.

## Rujukan

- Ahmad Mahdzan Ayob. (1993). *Kaedah Penyelidikanj Sosioekonomi*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Ahmad Sunawari Long. (2009). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. UKM: Bangi.
- Aliff Nawi & Mohd Isa Hamzah. (2013). Tahap Penerimaan Telefon Bimbit sebagai M-Pembelajaran dalam Pendidikan. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 5(1): 1-10.
- Anshu, M. & Aishah, K.A. (2017). Mobile Learning: Readliness and perceptions of teachers of Open Universities of Commonwealth Asia. *Journal of Learning for Development*, 4(1): 58-71.
- Best, J.W & Kahn, J.V. (1998). *Research in Education*. 8<sup>th</sup> ed. M.A: Allyn and Bacon.
- Bouhnik, D. & Deshen, M. (2014). WhatsApp goes to school: Mobile instant messaging between teachers and students. *Journal of Information Technology Education: Research*, 13: 217-231.
- Kee-Man Chuah. (2013). Aplikasi Media Sosial dalam Pembelajaran Bahasa Inggeris: Persepsi Pelajar Universiti. *Issue in Language Studies*, 2(1): 56-63.
- Kerlinger, F.N. (1973). *Foundations of Behavioral Research*. Fort Worth: Holt, Rinehart and Winston.
- Mahizer Hamzah. (2006). M-Pembelajaran: Era Baru dalam Pembelajaran. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Teknik dan Vokasional*, pp. 150-155.
- Mohd Anuar Abdul Rahman & Erda Yumiza Ibrahim. (2010). *Penggunaan E-Pembelajaran dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Pelajar di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor*. UTM: Skudai.
- Mohd Izani Mohd Zain. (2020). Pendidikan Tinggi Di Malaysia Pasca Covid-19: Perubahan dalam Kesenambungan. Diambil daripada <http://astrowani.com/berita-malaysia>.

- Mohd Izzat Mohd Khalizan. (2020, Mac 16). Covid-19: PM Umum Perintah Kawalan Pergerakan Mulai Rabu. Diambil daripada <http://www.mstar.com.my>.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Penerbit UTM: Skudai.
- Syed Lamsah Syed Chear. (2017). Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Aplikasi Whatsapp dan Telegram di Universiti Swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(2).
- Tze, Y.S., Dewika, N., & Devandra, A. (2014). Improving students engagement through social media: A case study of a private university in Malaysia using facebook. *International Journal e-Education, e-Business, e-Management and e-Learning*, 4(6): 396-409.
- Yusup Hashim. (2012). Penggunaan e-Pembelajaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran yang Berkesan. Diambil daripada <https://www.researchgate.net/publication/2826422078>.